

# Maxis sedia 6 penyelesaian transformasi digital

Maxis Bhd menggariskan enam penyelesaian korporat bagi menyokong organisasi perniagaan dalam merangka hala tuju transformasi digital komprehensif.

Ketua Pegawai Perniagaan Perusahaannya, Paul McManus, berkata penyelesaian yang akan disemburnakan menerusi 'Maxis Programmable Network' itu bakal menawarkan aspek keselamatan hujung ke hujung membabitkan pelbagai keupayaan keselamatan rangkaian.

Beliau berkata, penyelesaian pertama diperkenalkan Maxis adalah *Managed Cloud*, iaitu perkhidmatan pengkomputeran awan yang diuruskan sepenuhnya dengan sokongan menyeluruh oleh pakar yang diperakui menerusi Maxis MEF 3.0.

Bagi penyelesaian kedua, katanya, ia dikenali sebagai Pembuatan Pintar, iaitu perkhidmatan pertama yang menawarkan keupayaan *turnkey* bersepadu bagi memodenkan dan mengautomatiskan operasi perniagaan organisasi.

"Penyelesaian ketiga adalah keselamatan pintar, iaitu platform pengawasan video berpusat tersambung yang direka untuk meningkatkan kesedaran situasi dalam masa nyata bagi membolehkan ia dikawal dan diuruskan cara lebih pintar," katanya pada taklimat media pelancaran kempen Transformasi Semula Perniagaan Maxis di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Produk Perusahaan Maxis, Selvakumar Rajasekaran dan Ketua Penyam-



McManus (tengah) bersama Selvakumar dan May Ching pada pelancaran kempen Transformasi Semula Perniagaan Maxis di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Owee Ah Chun/BH)

paian Teknologi Maklumat (IT) Maxis, Ng May Ching.

Mengulas lanjut, McManus berkata, penyelesaian *Managed UC* pula adalah perkhidmatan pertama seumpamanya di Malaysia yang membolehkan pengguna membuat dan menerima panggilan menerusi nombor talian tetap dengan Microsoft Teams, sekali gus memperkayakan pengalaman suara dan maya terbaik serta meningkatkan kerjasama antara pekerja di mana sahaja tanpa mengira masa.

"Kita juga menawarkan *Managed SD-WAN* yang menjadi penyelesaian rangkaian ditentukan perisian bagi membolehkan pasukan IT menguruskan rangka-

ian syarikat dengan kawalan, penglihatan dan kecekapan kos yang lebih besar.

"Terakhir adalah penyelesaian jalur lebar atas permintaan yang menjadi ciri perkhidmatan sambungan tetap Maxis, seperti akses internet khusus (DIA), litar pajakan swasta domestik (DPLC) dan peralihan label pelbagai protokol (MPLS) yang membolehkan pengguna meningkatkan kapasiti lebar jalur melalui portal layanan diri dalam masa hampir nyata," katanya.

Terdahulu, McManus turut membentangkan kajian Maxis hasil dapatan Penilaian Teknologi Digital 2020 dikemukakan International Data Corporation (IDC) yang memberikan gamba-

ran menyeluruh mengenai usaha digitalisasi syarikat Malaysia.

McManus menjelaskan, penemuan utama kajian itu menunjukkan syarikat kekurangan strategi jangka panjang diperlukan untuk mengubah perniagaan dan ia menjadi faktor utama ketidakupayaan memanfaatkan potensi digitalisasi sepenuhnya.

Beliau berkata, walaupun terdapat permintaan kukuh untuk perkhidmatan awan oleh syarikat di Malaysia, mereka tidak dapat meraih keuntungan akibat cabaran migrasi dan kurangnya bakat serta kesedaran mengenai perkhidmatan ini dengan lebih dari separuh responden masih beroperasi menggunakan infrastruktur tradisional.